

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) PERINGKAT NEGERI JOHOR BILANGAN 2 SESI TAHUN 2025

PERUTUSAN Pengerusi MBJ Negeri Johor

1. MBJ merupakan platform yang penting diwujudkan oleh pihak majikan (kerajaan) di peringkat perkhidmatan awam bagi memastikan medium yang sesuai untuk di sampaikan oleh pihak pekerja.
2. Mesyuarah MBJ ini diwujudkan bagi membincangkan isu-isu yang bersifat setempat di dalam organisasi / jabatan dan dipengerusikan sendiri oleh Pengarah atau Timbalan Pengarah.
3. Sejak pewujudan MBJ, telah banyak isu-isu kebajikan pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam JIM Negeri Johor diselesaikan. Kesenambungan ini diteruskan bagi memastikan tiada yang terpinggir terutama dalam hal-hal kebajikan namun dasar kerajaan tidak boleh dibincangkan dan sebagai penjawat awam amanah serta tanggungjawab perlu dipatuhi.

TINDAKAN DARIPADA ISU / HAL-HAL LAIN MESYUARAT MBJ BIL.2 TAHUN 2025 BERTARIKH 16 JULAI 2025

Perkara 5.1.1 Kenaikan Pangkat Bagi Gred KP9 ke KP10

Respons / Tindakan: Unit Sumber Manusia, BKP

- Kenaikan pangkat bagi Gred KP9 ke Gred Kp10 adalah tertakluk di bawah peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia MyPPSM UP 3.1.1 – Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat serta berdasarkan kepada iklan pemangkuan yang dikeluarkan oleh JIM berdasarkan perkara-perkara berikut:
 - o Terdapat kekosongan jawatan KP10
 - o Disahkan dalam Perkhidmatan
 - o Mencapai Prestasi Tahunan yang ditetapkan
 - o Diperakukan Ketua Jabatan
 - o Lain-lain syarat yang akan dimaklumkan di dalam surat penyiaran pemangkuan

Perkara 5.3.1 Kemudahan Perjalanan Udara Awam (WPUA)

Respons / Tindakan: Unit Kewangan, BKP

- Arahan Pegawai Pengawal Bagi Tahun 2025
Perkara (C) Permohonan Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi (Dalam dan Luar Negara) dan Perkara (iv)

- Untuk makluman semua, bagi pegawai yang mendapat kemudahan pulang ke wilayah asal, pembelian tiket akan diuruskan dan ditempah oleh Unit Kewangan kecuali permohonan yang diterima hampir dengan pilihan tarikh dan peruntukan. Pegawai tidak perlu membeli dan menggunakan kaedah 'pay and claim'. Bagi permohonan selain itu, pembelian tiket adalah digalakkan untuk pembelian sendiri selaras dengan dasar penjimatan jabatan. Suka diingatkan bahawa pegawai perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada PINJ atau TPIN sebelum perjalanan dilakukan. Unit Kewangan tidak akan membuat bayaran balik bagi tuntutan yang tiada kelulusan.

Tambahan: Pengerusi memaklumkan JIM Negeri Johor telah menerima Kad Koprat kerajaan, jika ada urusan pembelian tiket kapal terbang yang tidak sempat menggunakan waran boleh gunakan kad tersebut untuk pembelian.

ISU DARI PIHAK PEKERJA;

1. PEMERKASAAN PASUKAN KAWAD DI PERINGKAT JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI JOHOR

- Dasar di peringkat pengurusan JIM telah dikeluarkan penetapan yang perlu dipatuhi oleh warganya melalui Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Bilangan 1 tahun 2025.
- Pemerksaan Pasukan Kawad JIM Negeri Johor itu sendiri memandangkan ramai pegawai-pegawai telah diserapkan ke Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS).
- Pegawai-pegawai yang terlibat bersama Pasukan Kawad dimasa hadapan perlu mempunyai akses terhadap bekalan aksesori pakaian seragam selain tuntutan-tuntutan yang sepatutnya melayakkan mereka.
- Bagi memartabatkan lagi pegawai-pegawai yang telah ditauliahkan sebagai Jurulatih / Pegawai kawad, dicadangkan mereka juga bertindak sebagai Pegawai Displin Tatatertib (DTS).

HAL-HAL LAIN

1. Pegawai-pegawai JIM Negeri Johor bertanyakan jika jabatan ada menyediakan komputer baru bagi gantian kepada komputer-komputer yang telah lama dan outdated.
2. Di peringkat pegawai imigresen KP1 dan KP2 masih ramai yang sudah menerima kenaikan secara *Time Base* Kecemerlangan (TBK) serta masih ada yang belum menerima walaupun telah cukup syarat masa iaitu 13 tahun berkhidmat. Pihak pekerja ingin mendapatkan maklumat jika Unit Sumber ada membuat *forecast* kepada

perjawatan-perjawatan terutama dari KP1 sehingga KP4, berapa kekosongan yang boleh dihakikikan atau waran yang boleh diisi. Selain itu, ada cadangan jika ada kekosongan untuk JIM Negeri Johor mohon pengurusan negeri perpanjangkan kepada Sumber HQ untuk di isi di negeri Johor.

3. Dicapangkan agar Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan kepada pelanggannya iaitu warga JIM Negeri Johor. Hari Bertemu Pelanggan ini memberi peluang kepada pegawai-pegawai bertemu dengan orang kewangan bertanyakan isu-isu tuntutan atau yang berkaitan kewangan. Selain itu dilihat, unit kewangan dapat memperjelaskan lagi tatacara kewangan terkini kepada pegawai.
4. Pegawai-pegawai JIM Negeri Johor ingin mendapatkan maklumat jika jabatan akan ada membuat gantian kepada kerusi dan meja yang digunakan pegawai. Memandangkan terdapat meja dan kerusi yang telah rosak atau terlalu uzur.
5. Isu-isu pegawai dalam siasatan integriti tetapi masih tiada keputusan tindakan. Mohon makluman tindakan diperingkat jabatan.

GAMBAR MESYUARAT :





